

Semakan kehakiman kes Mukhriz

Anwar, kerajaan mohon mahkamah batal nama

Penamaan berkait taksiran tambahan LHDN didakwa mengaibkan serta salah guna proses mahkamah

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan kerajaan memohon Mahkamah Tinggi membatalkan nama mereka daripada permohonan semakan kehakiman Datuk Seri Mukhriz Mahathir untuk perisytiharan bahawa tindakan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) mengeluarkan Notis Taksiran Tambahan terhadapnya terbatal

dan tidak sah.

Melalui notis permohonan, Anwar dan kerajaan memohon penamaan mereka dalam semakan kehakiman bertarikh 20 Disember 2024 berserta pernyataan di bawah Aturan 53(2) Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan affidavit sokongan Mukhriz dibatalkan.

Atau secara alternatifnya, Anwar dan kerajaan membuat permohonan itu di bawah bidang kuasa tersirat (*inherent jurisdiction*) Mahkamah Tinggi.

Mereka juga mohon semua prosiding dalam semakan kehakiman itu ditangguhkan sehingga permohonan berkenaan dideklarasi dan dilupuskan, kos serta perintah lain yang dianggap sesuai oleh mahkamah.

Mereka membuat permohonan itu dengan alasan prosiding semakan kehakiman berkenaan berbangkit daripada keputusan LHDN yang dikeluarkan melalui surat bertarikh 27 September ta-

hun lalu kepada Mukhriz.

Ini membabitkan Notis Taksiran Tambahan bagi 2017 berjumlah RM2,558,875.90; bagi 2018 berjumlah RM2,445,004.91; dan 2019 berjumlah RM16,826.37.

Anwar dan kerajaan selaku pemohon berkata, pada 2 Januari lalu Mahkamah Tinggi memberikan kebenaran kepada Mukhriz untuk memulakan prosiding semakan kehakiman itu bagi perisytiharan notis tambahan berkenaan adalah terbatal, *ultra vires* dan menyalahi undang-undang.

Tindakan wajar dibatalkan

Menurut mereka, sementara itu relief lain yang dimohon Mukhriz termasuk terhadap mereka tidak dibenarkan oleh mahkamah. “Oleh itu, penamaan pemohon (Mukhriz) terhadap kami kini jelas mengaibkan, remeh atau menyusahkan dan jelas suatu penyalahgunaan proses mahkamah ini.

“Sehubungan itu, ini suatu tindakan yang jelas tidak boleh dikekalkan dan wajar dibatalkan oleh mahkamah,” kata mereka.

Pada 2 Januari lalu, Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Amarjeet Singh memberi kebenaran kepada Mukhriz untuk memulakan prosiding semakan kehakiman, selepas mendapati terdapat isu yang boleh dibicarakan.

Mukhriz, 60, selaku pemohon memfailkan permohonan semakan kehakiman pada 20 Disember tahun lalu dengan menamakan Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Anwar dan kerajaan sebagai responden pertama hingga ketiga.

Dalam permohonan itu, Mukhriz yang juga ahli perniagaan memohon perintah membatalkan keputusan responden pertama (Ketua Pegawai Eksekutif atau Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri) mengeluarkan notis taksiran tambahan berkenaan.